



UM.C/TNC2/625/16/9

12 Disember 2017

SEMUA DEKAN/ PENGARAH PTJ AKADEMIK

Tuan/Puan,

KEPERLUAN PEMATUHAN DI BAWAH AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 DAN UNIVERSITY OF MALAYA ANIMAL CARE AND USE POLICY (UM ACUP) BAGI PELAKSANAAN AKTIVITI PENYELIDIKAN BERKAITAN HAIWAN DI UNIVERSITI MALYA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Lanjutan daripada perbincangan mengenai Isu Pematuhan Aktiviti Haiwan di Universiti Malaya pada 28.7.2017 dan Sesi Perkongsian berkaitan Isu Pematuhan dan Etika di Universiti Malaya pada 13.11.2017 yang turut dihadiri oleh Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi serta Pengerusi-Pengerusi dan wakil bagi Jawatankuasa di bawah Pematuhan dan Etika Penyelidikan di Universiti Malaya, telah ditarik perhatian kepada perkara berikut:

- (1) *University of Malaya Institutional Animal Care and Use Committee (UM IACUC)* berperanan sebagai Jawatankuasa Institusi yang diberi tanggungjawab untuk membuat penilaian, menjadi Penasihat dan pihak berkuasa melulus bagi sebarang permohonan untuk penggunaan haiwan dalam aktiviti seperti penyelidikan, ujikaji, pengajaran, biak-baka dan lain-lain di Universiti **KECUALI** aktiviti penyelidikan yang melibatkan *Animal Experimental Unit (AEU)* kerana ianya di bawah bidang kuasa *Faculty of Medicine Institutional Animal Care and Use Committee (FOM IACUC)* di bawah Fakulti Perubatan.
- (2) Kelulusan oleh UM IACUC selaku Jawatankuasa Institusi perlu diperolehi oleh Penyelidik yang terlibat kerana *University of Malaya Animal Care and Use Policy (UM ACUP)* dan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (*Animal Welfare Act 2015*) telahpun dikuatkuasa yang mana setiap pelaksanaan penyelidikan yang berkaitan harus mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Definisi bagi 'haiwan' yang tertakluk UM ACUP adalah sebarang haiwan vertebrat; sebagai contoh haiwan makmal, haiwan agrikultur, hidupan liar dan spesies akuatik.
- (3) Merujuk kepada UM ACUP Perenggan 4.1.2 (1), *Laboratory Animal Centre (LAC)* di bawah tanggungjawab Institut Pengurusan dan Pengawasan Penyelidikan perlu memastikan bahawa semua fasiliti yang menyimpan haiwan di UM perlu dijaga dan diselenggara mengikut piawaian minimum yang ditetapkan dalam pengurusan dan pentadbiran.

3. Berdasarkan perkara yang dinyatakan di atas, sukacita sekiranya dapat tuan/puan menghebahkan kepada Penyelidik di PTJ masing-masing untuk mengambil tindakan berikut:

- (1) Semua Penyelidik di UM yang menjalankan penyelidikan dan pengajaran seperti di atas adalah **DIWAJIBKAN** untuk mengemukakan kertas cadangan penyelidikan yang melibatkan haiwan (kecuali melibatkan penggunaan fasiliti AEU) untuk dinilai terlebih dahulu oleh UM IACUC. Kebiasaannya, bukti dokumen kelulusan pematuhan dan etika penyelidikan yang berkaitan diminta oleh mana-mana pihak yang berkepentingan seperti Penerbit Jurnal Saintifik.

- (2) Tempoh kelulusan adalah bergantung kepada aktiviti yang dilaksanakan. Sebagai contoh, kelulusan antara 1 hingga 2 tahun bagi aktiviti penyelidikan dan 5 tahun bagi aktiviti pengajaran; kelulusan dengan pindaan yang diperakukan pula boleh dilakukan pada bila-bila masa.
- (3) Memastikan fasiliti haiwan yang terdapat di dalam atau luar kampus utama UM mempunyai pentadbiran yang sistematik dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan. Sebagai contoh rekod inventori haiwan, rekod penggunaan dan hal-hal lain yang menyokong pelaksanaan operasi dan aktiviti penyelidikan dan pengajaran yang berkaitan.

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Puan Bibi Shaswani Zulbadri, Sekretariat UM IACUC ditalian 03-7967 4213 dan maklumat lanjut berhubung UM IACUC boleh didapati melalui laman sesawang *UMResearch > Research and Community > Information For Researchers > Research Governance > Institutional of Animal Care & Use Committee*.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROFESOR DR. NOORSAADAH ABD. RAHMAN
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

s.k. Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pengerusi, UM IACUC